



**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II SESI AKADEMIK 2010-2011**

IJAZAH PRASISWAZAH

APRIL 2011

MASA: 1 JAM 30 MINIT

BUKU SOALAN

- KOD KURSUS** : ZZZM1023
- TAJUK KURSUS** : BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING II
- ARAHAN** :
 1. Buku Soalan ini mengandungi EMPAT (4) bahagian iaitu Bahagian I, II, III dan IV.
 2. Jawab SEMUA soalan.
 3. Jawapan hendaklah ditulis dalam Buku Soalan ini.
 4. Jumlah markah keseluruhan Buku Soalan ini 30 markah.

No. Pendaftaran: _____
 (dengan perkataan)

Set: _____ Nama Pengajar: _____


Buku Soalan ini mengandungi 9 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.



I. KOSA KATA

Jawab semua soalan dalam ruangan yang disediakan.

Arahan: Tuliskan kata ucapan dalam bahasa Melayu berdasarkan kad ucapan di bawah.



1. _____



2. _____



3. _____



4. _____



5. _____

(2 m x 5 = 10 markah)



II. TATABAHASA

A. KATA BANTU

Arahan: Pilih kata bantu yang betul dalam kurungan bagi melengkapkan perbualan di bawah.

- A: Assalamualaikum. Selamat pagi.
- B: Waalaikumussalam. Apa yang _____ (sedang, boleh) saya bantu?
- A: Saya _____ (mahu, dapat) membeli tiket feri ke Pulau Langkawi pukul 8:00 pagi. Saya _____ (ingin, boleh) melawat Pulau Langkawi bersama keluarga.
- B: Maaf encik, tiket feri ke Pulau Langkawi pukul 8:00 pagi hari ini semuanya _____ (akan, sudah) habis dijual.
- A: Tapi, kami _____ (pernah, mesti) ke Pulau Langkawi hari ini juga.
- B: Tiket pukul 10:00 pagi _____ (masih, telah) ada. Encik _____ (pernah, mahu) pergi ke Pulau Langkawi sebelum ini?
- A: Belum lagi. Ini pertama kali. Adakah tambangnya mahal? Saya _____ (mahu, boleh) bawa keluarga bercuti.
- B: Jangan risau, tambangnya tidak mahal.
- A: Baiklah, saya _____ (sudah, akan) berbincang dengan keluarga saya dahulu.
- B: Di mana keluarga encik?
- A: Di sana, mereka _____ (sedang, mahu) menunggu saya di restoran. Terima kasih.
- B: Sama-sama. Jumpa lagi.

(1 m x 10 = 10 markah)

B. KATA HUBUNG

Arahan: Lengkapkan ayat berikut dengan kata hubung yang betul.

kerana	tetapi	sambil	dan	supaya	atau
selepas	lalu	untuk	sebelum	yang	

1. Khalid memadam lampu di ruang tamu _____ masuk ke dalam bilik untuk tidur.
2. Kamu belajar di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan _____ GSB?
3. Buah-buahan tempatan Malaysia ialah buah durian, rambutan, manggis, betik, pisang
_____ sebagainya.
4. Ali gembira _____ mendapat panggilan telefon daripada keluarganya semalam.
5. Khadijah suka membuat kerja rumah _____ mendengar muzik.
6. Zainab bekerja sebagai pensyarah di Jordan dua tahun lalu _____ belajar di GSB, Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Omar pergi ke Cyberjaya _____ berjumpa dengan kawannya.
8. Saiz bilik itu kecil _____ harga sewanya sangat mahal.
9. Hussein akan berkahwin _____ tamat belajar di UKM.
10. Kita mesti rajin berlatih _____ boleh bercakap bahasa Melayu dengan baik.

(1 m x 10 = 10 markah)

C. PEMAHAMAN

Arahan: Baca dan jawab soalan kefahaman berikut.

MALAYSIA

Lokasi Malaysia terletak di Asia Tenggara. Malaysia dikelilingi oleh Laut China Selatan di sebelah timur dan Selat Melaka di sebelah barat. Di bahagian utara Malaysia ialah Thailand dan di selatan ialah negara Singapura.

Negara Malaysia mempunyai 14 buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah dan tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Negara Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Ada lebih kurang 29 juta orang penduduk Malaysia. Penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa. Ada orang Melayu, Cina, India, Serani, Kadazan, Iban dan lain-lain. Kami semua tinggal bersama dengan aman. Ramai pelancong suka datang ke Malaysia.

1. Di manakah lokasi Malaysia?

(1 markah)

2. Namakan tiga Wilayah Persekutuan yang terdapat di Malaysia.

(2 markah)

3. Namakan bangsa-bangsa yang tinggal di Malaysia?

(3 markah)

4. Berapakah jumlah penduduk di Malaysia?

(1 markah)

5. Mengapakah pelancong suka datang ke Malaysia?

(3 markah)

(10 markah)

D. KATA TANYA

Arahan: Pilih kata tanya yang betul bagi melengkapkan ayat di bawah.

bagaimana	mengapa	siapa	bila	apa	di mana	berapa
-----------	---------	-------	------	-----	---------	--------

1. _____ kah budak perempuan itu menangis?

2. _____ kah mereka akan melawat Terengganu?

3. _____ kah yuran yang perlu dibayar pada semester hadapan?

4. _____ kah cara hendak pergi ke Perpustakaan Tun Sri Lanang?

5. _____ kah rancangan kamu pada cuti semester nanti?

6. _____ kah nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama?

III. BINA AYAT

Arahan: Bina ayat yang betul menggunakan perkataan-perkataan di bawah.

Contoh : tinggal

Mubarak tinggal di Taman Sepakat Indah II Kajang.

1. perayaan (*celebration*)


2. bendera (*flag*)

3. gembira (*happy*)

4. malam (*night*)

5. menarik (*interesting*)

(2 m x 5 = 10 markah)




IV. KARANGAN

Arahan: Tulis karangan antara **100** hingga **120** perkataan berdasarkan tajuk berikut.

Tajuk : Universiti Kebangsaan Malaysia

'SELAMAT MAJU JAYA'



(30 markah)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
Bahagian	Markah
I	10
II	40
III	10
IV	30
Jumlah (n)	90
Markah ($n \div 3$)	30